

03 OCT 2003

Mahathir-Marina

DR MAHATHIR PUAS HATI PELAKSANAAN TELAGA HARBOUR PARK

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau projek pembinaan marina kapal layar Telaga Harbour Park, di Pantai Kok di sini dan melahirkan rasa puas hati dengan kemajuannya.

Beliau berkata para pemilik kapal layar dari negara asing telah mula bertanyakan tentang kemudahan itu dan menunjukkan minat untuk melabuhkan kapal layar mereka di situ.

"Sekarang pihak luar telah mula bertanya tentang kemudahan di tempat berkenaan. Kita mempunyai semua kemudahan di situ seperti kastam, polis, imigresen, hotel dan stesen minyak," katanya kepada pemberita selepas meninjau projek itu sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2003.

Telaga Harbour Park, marina keempat di Langkawi, mempunyai kompleks komersial, kemudahan hotel tiga bintang serta apartmen dan mempunyai kemudahan marina yang boleh menampung 100 kapal layar pada satu masa.

Projek itu dijalankan oleh beberapa syarikat swasta di kawasan seluas 12 hektar dengan perbelanjaan keseluruhan RM40 juta.

Fasa pertama yang meliputi pembinaan stesen minyak, marina dan pusat komersial telahpun siap dan beroperasi.

Dr Mahathir yang berada di Langkawi sejak Selasa lepas untuk merasmikan LIMA, sebaik tiba di Pantai Kok terus melawat bot milik Jabatan Bomba dan Penyelamat diikuti bersarapan di hadapan kompleks komersial berkenaan.

Perdana Menteri yang sering mengawasi kemajuan Telaga Harbour Park setiap kali melawat Langkawi, kemudian meninjau sambil diberi taklimat oleh penasihat projek pelayar negara Datuk Azhar Mansor.

Selepas itu beliau mengambil kesempatan menaiki feri berwarna biru selama 10 minit meninjau di kawasan perairan Pantai Kok. Feri dengan nama Lady Yasmin itu beroperasi di Johor milik Yasmin Marine Technologies Sdn Bhd.

-- BERNAMA

MZM ZS RON